
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMG 418 – Perancangan Bandar dan Wilayah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

SATU soalan MESTI dijawab daripada setiap Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Soalan KEEMPAT boleh dipilih daripada mana-mana daripada Bahagian SAMA ADA daripada Bahagian A, Bahagian B ATAU Bahagian C.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap jawapan membawa 100 markah maksimum.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam perancangan fizikal di Malaysia masih lagi terhad kepada perancangan bandar dan perancangan infrastruktur fizikal. Bincangkan.
(100 markah)
2. Perincian proses penyediaan pelan pembangunan Rancangan Lima Tahun dan Kerangka Plan Perspektif yang dipraktikkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menjayakan Wawasan 2020.
(100 markah)

BAHAGIAN B

3. Bincangkan implikasi perubahan guna tanah yang akan berlaku bagi kawasan seluas 666 km. persegi yang meliputi Kota Setar, Anak Bukit, Kepala Batas, Simpang Empat, Kuala Kedah dan Pulau Payar selaras dengan perisytiharaan Alor Star sebagai sebuah bandaraya oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong pada 28 November 2003.
(100 markah)
4. Dalam konteks perancangan guna tanah bandar jelaskan mengapa lebih mudah merancang dan membangunkan sebuah bandar baru seperti Putrajaya berbanding dengan usaha membangunkan semula sebuah bandar yang sedia ada terutama dari segi penyediaan infrastruktur fizikal dan kawasan perumahan.
(100 markah)

BAHAGIAN C

5. Perincian implikasi apabila “Wawasan Selangor Negeri Maju Menjelang 2005” dan “Kedah Maju 2010” menjadi kenyataan dalam konteks pembangunan wilayah di Malaysia.
(100 markah)
6. Tumpuan pembangunan ekonomi di bahagian baratdaya negeri Johor (daerah Pontian) amnya dan koridor pembangunan Senai – Tanjung Pelepas – Tanjung Bin akan menjadikan daerah Pontian sebagai fokus kutub pertumbuhan bagi wilayah Selatan Malaysia. Bincangkan.
(100 markah)